

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Minggu Paska Ke-7



DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH



TEMA BULANAN: HIDUP DALAM SEGALA KELIMPAHAN

DARI MEMEMENTINGKAN DIRI KEPADA PEMBERIAN DIRI

Cinta Bapa yang tak terukur, karya penyelamatan PuteraNya, dan pencurahan rahmat dari Roh Kudus. Kebenaran Tritunggal Suci semakin mendalam dan menjadi hidup kepada kita umat Kristian, sambil kita terus matang dalam iman kita.

Berdoa,
berharap,
dan jangan
risau.
Kebimbangan
tidak berguna

- St. Padre Pio



Bacaan Injil Harian:

Kis 1, 12-14

Maz: 26, 1. 4. 7-8,

1 Pet 4, 13-16

Yoh 17, 1-11

Setelah dibaptis dengan air pembaptisan, kita dibersihkan dari kehidupan lama iaitu kehidupan dalam dosa, dan bangkit bersama Kristus menjadi baru. Kita tidak lagi hidup untuk diri kita sendiri, tetapi juga untuk Tuhan dan untuk orang lain. Dalam erti kata lain, kita dipanggil keluar dari memementingkan diri sendiri, dan masuk dalam kehidupan yang memberikan diri. Saudara-saudari, kita adalah sebahagian daripada komuniti yang besar ini. Kita adalah sebahagian daripada gereja sejagat. Kita adalah Katolik.

Sebagai umat Katolik, kita mempunyai peranan yang besar - untuk mati demi keselamatan diri kita sendiri dan keselamatan saudara-saudara kita. Walaupun ia benar-benar "hebat", sesetengah mungkin menganggapnya sebagai satu beban, atau sesuatu cara yang menyusahkan hidup. Mari kita ingatkan diri kita bahawa kita dipanggil untuk mengasihi sesama kita seperti mana kita mengasihi diri kita sendiri (Mat 22:38) - perintah kedua yang diajarkan oleh Yesus menjadi sama dengan yang pertama. Tuhan kita teguh dalam ajaran-Nya. Tetapi pada akhirnya, kita mempunyai pilihan - untuk hidup memementingkan diri sendiri demi kepentingan diri sendiri, atau untuk hidup mengikut kehendakNya.

"Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu" (Yoh 14:26). Jalannya sukar, tetapi kita boleh mempercayai Tuhan bahawa kita tidak bersendirian dalam perjalanan ini. Setiap cabaran yang kita hadapi dalam kehidupan kita mempunyai potensi untuk membentuk kita menjadi seperti Kristus. Mari kita ingat akan murid-murid, yang sehingga kepada kedatangan Roh Kudus, hidup dalam ketakutan. Individu yang sama kemudiannya diberi kuasa oleh Roh Kudus untuk keluar dari ketakutan mereka, dan hidup untuk kemuliaan Tuhan. Oleh itu, ketika kita memeluk identiti kita sebagai orang Kristian, marilah kita bangkit bersama Kristus dari kegelisahan yang menggemparkan, ke dalam kehidupan yang penuh semangat - semangat yang muncul dari cinta yang kita miliki dari penyelamat kita.

Sesungguhnya kita hidup kerana Kristus hidup di dalam kita. †

Perkataan
mingguan

Kita boleh
percaya kepada
Tuhan



GEREJA VISITATION
 85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-777544
 E-MEL : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr Xavier Andrew
 Pembantu Paroki : Fr. Kenneth Gopal

TEMA TAHUN 2020
PERMURIDAN: DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN
Tema Bulan Mei 2020
 Pelayanan / panggilan: **Hidup Yang Berkelimpahan**

PEJABAT PAROKI :
 Dibuka Sementara :
 Isnin - Sabtu – 8.30am
 hingga 1.30 pm
 semasa PKP - Covid
 19 sehingga
 makluman seterusnya



23/24 Mei 2020 :

HARI MINGGU PASKAH YANG KEENAM: Kis 1, 12-14 Mzm 27,, 1, 4, 7-8a 1 Ptr 4, 13-16, Yoh 17, 1-11a
 “Aku percaya akan melihat kebaikan Tuhan di negeri orana-orana uana hidup” (Mzm : 27)

Hari Minggu Pentakosta (Feast Of The Visitation) : 31 Mei 2020 (Ahad)
Siaran langsung Misa pada 31 Mei @ 6.00pm dari Gereja Visitation
Watch at : <http://live.visitationseremban.org>

Sumbangan yang diterima dari 18 Mac - 17 Mei 2020 (semasa PKP)

	Sumbangan paroki	Ruang Adorasi	Bank makanan PIHDM
Jumlah Terkumpul	RM18,260.00	RM12,438.00	RM1,530.00

Terima Kasih Diatas Sumbangan anda. Tuhan Memberkatii!

SUMBANGAN/PERSEMAHAN: Kepada sesiapa yang ingin memberi sumbangan seperti berikut:

- | | |
|-------------------------------|----------------------|
| (1) Sumbangan Kewangan Paroki | (2) Persembahan Misa |
| (3) Ubahsuai ruang Adorasi | (4) PIDM Food Bank |

Kami menyeru anda untuk menggunakan perbankan secara atas talian. Maklumat akaun bank Paroki Gereja adalah seperti dibawah:

- | |
|--|
| (a) Bank: Public Bank Berhad |
| (b) Penama Akaun Nama : Church of Visitation |
| (c) Nombor Akaun : 3121194612 |

Sila nyatakan maklumat dengan betul dalam perbankan atas talian seperti berikut untuk dijadikan rujukan paroki :- (i) Jumlah (ii) Tujuan - seperti yang berikut :

- (1) Sumbangan kewangan Paroki
- (2) Pemohonan Doa (nama) - (RIP, Kesyukuran atau Permohonan Khas)
- (3) Ubahsuai ruang Adorasi
- (4) PIHDM Food Bank

(Untuk maklumat lanjut sila hubungi : John Davidson (010-6158961) or Bernadette (012-2715840)

Sila emelkan slip transaksi kepada emel Paroki:

serembanvisitation@gmail.com untuk tujuan rujukan Paroki

Tiada misa sepanjang bulan Mei disebabkan Pandemik Covid-19

Dari 27 Mei (Selasa) sehingga 31 Mei (Sabtu), pejabat paroki akan dibuka bermula 8.30 am hingga 1.30 pm

Doakan jiwa yang telah meninggal:

- | | |
|---------------------------------------|-----------------------------|
| (1) Reinhart Herera (d.o.d : 15/5/20) | (2) Semua mangsa Covid - 19 |
|---------------------------------------|-----------------------------|

Semoga Sinar Cahaya Kekal Menyinari Mereka

➤ **BERADA DI DALAM ROH :**

Saudara saudari, 31 Mei merupakan Hari Minggu Pentakosta dan juga "Feast of the Visitation" bagi paroki kita. *Yohanes 16 : 13 berkata "Tetapi apabila Ia datang, yaitu Roh Kebenaran, Ia akan memimpin kamu ke dalam seluruh kebenaran: sebab Ia tidak akan berkata-kata dari diriNya sendiri, tetapi segala sesuatu yang didengarNya itulah yang akan dikatakanNya dan Ia akan memberitakan kepadamu hal-hal yang akan datang."* Sungguh layaklah dan benarlah Bonda Maria hidup dalam Roh dan antara perbuatanNya yang mulia adalah dengan melawat Elizabeth. Segala yang bukan spiritual tidak akan menerima berkat dari Roh Allah, kerana mereka tidak mempunyai kebijaksanaan kepadanya dan mereka tidak akan faham kerana mereka tidak dapat melihat secara rohani. Kita berdoa pada musim Pentakosta ini untuk rahmat agar dapat memahami dengan lebih sungguh akan keajaiban Tuhan serta berjalan dalam bimbinganNya dan membenarkan Tuhan untuk hidup dan berkerja didalam hidup kita sama seperti maria. *Mengucapkan selamat Hari Minggu Pentakosta kepada semua umat. Frs. Xave dan Kenneth.*

➤ **Garis Panduan upacara pengebumian semasa Perintah Kawalan Pergerakan**

- (a) Tiada doa arwah hari ketujuh di kawasa perkuburan dan rumah. Keluarga boleh melakukan doa mereka secara tertutup. Buku akan disediakan oleh Paroki untuk kegunaan keluarga.
- (b) Doa "vigil" dan Misa pengkebumian akan dilakukan oleh Paderi di rumah atau kawasan pengkebumian. Ini hanya terhad untuk ahli keluarga arwah mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (c) Langkah berjaga-jaga (penjarakan sosial dll) perlu di amalkan
- (d) Semua upacara Perkahwinan sepanjang bulan Mac dan April dinasihatkan untuk ditunda ke suatu tarikh yang sesuai.

➤ **Siaran LANGSUNG Misa Archkl dari 23 hingga 29 Mei 2020**

- tonton Siaran langsung: www.Tv.ArchKL.org

Sabtu : 23 Mei : 6.00 pm (Bahasa)

Ahad : 24 Mei : 7.30 am (Tamil)

9.00 am (Mandarin)

10.30 am (English)

Hari Biasa : Isnin hingga Jumaat : 6.00 pm

27 Mei (Rabu) : 7.00 pm (Rosari dengan Archbishop Julian Leow)